



## **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS**

### **IKRAR INTEGRITI & ANTI AMALAN RASUAH ANGGOTA**

Sebagai Ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa yang dilantik/anggota PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS (PKENPs), saya mengakui bahawa rasuah merupakan/ suatu perbuatan jenayah, dan memahami kewajipan PKENPs untuk mematuhi undang-undang pencegahan rasuah dan bidang kuasa berkaitan di Malaysia.

Dengan ini saya mengakui dan mematuhi/ komitmen PKENPs dengan dasar toleransi sifar terhadap rasuah, dan saya akan terus bertindak, pada setiap masa, dengan adil dan jujur.

Dengan ini, saya dengan sesungguhnya mengisytiharkan :

- a) Untuk menjalankan tugas-tugas saya dengan suci hati, jujur dan berintegriti ;
- b) Untuk menyatakan kesanggupan menjadi teladan menerusi kelakuan atau tindak-tanduk yang mengikut etika tatasusila bagi meningkatkan integriti dan tadbir urus yang baik;
- c) Untuk mematuhi Tatakelakuan dan Program Integriti PKENPs ;
- d) Untuk sama sekali tidak menawarkan atau menerima sogokan, atau melibatkan diri dalam apa juga bentuk amalan rasuah seperti yang didefinisikan di bawah;
- e) Untuk memberikan sokongan padu dan berterusan konsisten kepada PKENPs dan pihak berkuasa berkaitan dalam mencegah dan memerangi rasuah; dan
- f) Untuk melaporkan semua amalan rasuah dan amalan tidak beretika walau dalam apa bentuk yang saya ketahui atau sedari.

Saya faham bahawa, sekiranya saya melanggar mana-mana perisytiharaan di atas, PKENPs boleh mengenakan hukuman seperti yang disenaraikan dan ditetapkan di bawah Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2001:

- i. Amaran bertulis
- ii. Denda
- iii. Lucut hak emolumen
- iv. Tangguh kenaikan gaji
- v. Turun gaji
- vi. Turun pangkat dan;
- vii. Buang kerja

**(Nota : Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa yang dilantik hanya menerimapakai No. i & No. ii sahaja)**